



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

TRANSKIP TEMUBUAL BERSAMA

KAPT ISMAIL BIN JAMIL (B)

VETERAN ANGKATAN TENTERA MALAYSIA

MISI OP KOTA ECHO

MOHAMAD AIDIL AZRY BIN KAMISAN

(2018207454)

SARAH ANISSA BINTI MUHAMAD

(2018657046)

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

SEMESTER SEPTEMBER 2019 – FEBRUARI 2020

SEJARAH LISAN (MISI OP KOTA ECHO)

ISI KANDUNGAN

No.	Isi Kandungan	Muka Surat
	Abstrak	i.
	Penghargaan	ii.
	Senarai Abreviasi	iii.
	Senarai Singkatan	iv.
	Rujukan Kata	v.
1.	Biodata Penemubual 1.1 Penemubual 1 1.2 Penemubual 2	1 2
2.	Biodata Tokoh 2.1 Biodata Tokoh 2.2 Pengenalan Kepada Tokoh	3 4-5
3.	Sejarah Lisan 3.1 Pengenalan 3.2 Objektif Sejarah Lisan 3.3 Kepentingan Sejarah Lisan	6-7 8 9
4.	Kajian Literatur 4.1 Topik 1 4.2 Topik 2	10-13 14-19
5.	Transkrip Temubual Bersama Tokoh	20-77
6.	Log temubual	78-98
7.	Ralat	99
8.	Glosari	100-103
9.	Indeks	104-111
10.	Bibliografi	112-114
11.	Lampiran 11.1 Biografi Tokoh 11.2 Surat perjanjian 11.3 Senarai soalan 11.4 Diari Penyelidikan 11.5 Gambar, sijil-sijil dan bahan lain yang berkaitan	115-116 117 118-125 126-128 129-131

ABSTRAK

Transkrip ini membincangkan tentang pengalaman seorang hero yang tidak didendang bertempur bersama komunis dalam usaha menyelamatkan dan mempertahankan negara. Bertujuan untuk membongkar peristiwa sebenar yang tidak pernah diceritakan atau direkodkan disamping memperolehi maklumat sebenar dari sumber yang sahih melalui wawancara secara bersemuka mengenai peristiwa menyelamatkan negara, seorang hero yang tidak didendang telah ditemubual. Kapten Ismail Bin Jamil (B) adalah seorang bekas anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan beliau telah bersara selepas 28 tahun berkhidmat sebagai tentera. Beliau telah berkongsi pengalaman tentang operasi menentang komunis ketika beliau berkhidmat. Kesan daripada peristiwa yang telah diceritakan ini, kami, iaitu dua orang penemubual Kapten Ismail Bin Jamil (B) berasa amat terkesan sekaligus membangkitkan lagi semangat saying dan cinta akan negara. Diharapkan masyarakat juga dapat mengambil ikhtibar dari peristiwa Op Kota Echo yang dikongsikan ini. Moga masyarakat dapat membuka mata akan pentingnya menjaga keselamatan negara dan lebih menghargai akan hero-hero yang sentiasa menjaga keselamatan dan keamanan negara.

Kata Kunci

Hero, ATM, keselamatan, komunis, Kapten Ismail Bin Jamil (B)

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu, kami ingin memanjatkan kesyukuran kepada Tuhan kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, kami dapat menyiapkan tugasan berkenaan dengan penulisan transkrip untuk subjek Pendokumentasian Sejarah Lisan (IMR604) dengan jayanya dalam jangka masa yang telah ditetapkan. Kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Puan Siti Noorsiah Binti Jamaludin selaku pensyarah untuk subjek IMR604 ini yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan bimbingan serta berkongsi maklumat dalam membantu kami menyiapkan tugasan ini.

Kami berasa amat bersyukur kerana pilihan orang sumber kami, iaitu Kapten Ismail Bin Jamil (B) telah memberikan kerjasama yang amat baik disamping kesudian beliau dalam memberikan maklumat yang kami perlukan dalam menyiapkan tugasan ini. Justeru itu, kami merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada beliau.

Tidak lupa juga jutaan terima kasih kepada kedua ibu bapa kami yang sentiasa memberikan dorongan dan sokongan yang padu dari segi mental dan fizikal. Tanpa sokongan dan semangat daripada kalian, mugkin kami tidak dapat menghasilkan tanskrip ini dengan sempurna.

Akhir sekali, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan sekelas yang terlibat secara langsung mahupun tidak langung kerana sudi memberi tunjuk ajar dan bertukar pandangan antara satu sama lain. Diharapkan agar segala maklumat yang telah dikongsikan dalam kerja kursus ini dapat memberi pengetahuan baharu kepada kami dan juga kepada pembaca.

SENARAI ABREVIASI

2IC	Second In-charge Commander
ATM	Angkatan Tentera Malaysia
CO	Commanding Officer
DND	Department of National Defense
FELDA	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
JK	Jawatankuasa
LP	Landing Point
MORTAR	Peluru atau bom
OC	Officer Commander
PDRM	Polis Di-Raja Malaysia
PKM	Parti Komunis Malaya
PJM	Pingat Jasa Malaysia
PPA	Pingat Perkhidmatan Am
PPS	Pingat Perkhidmatan Setia
PSSB	Pingat Setia Sentiasa Berjuang
RGK	Rejimen Gerak Khas
RGKM	Rejimen Gerak Khas Malaysia
RV	Rendezvous
SEP	Surrendered Enemy Personnel
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
TKC	Timbalan Ketua Cawangan
U.S	United States
SOP	Standard Operating Procedure